

Selasa, Apr 03 2018

'Gaji kehidupan wajar' tak boleh dilaksanakan secara drastik: Johari

3/4 BH

Kerajaan menyokong cadangan Bank Negara Malaysia (BNM) yang menetapkan anggaran aras 'gaji kehidupan wajar' bagi rakyat tempatan yang tinggal di Kuala Lumpur adalah antara RM2,700 hingga RM6,500.

Bagaimanapun, pelaksanaannya perlu melihat terlebih dahulu kepada sistem ekonomi negara yang ketika ini 97 peratus peluang pekerjaan tempatnya dipacu oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata kerajaan sudah melaksanakan aras gaji minimum sebelum ini, iaitu RM1,200 bagi sektor kerajaan dan RM1,000 bagi sektor swasta (gaji hanya di Semenanjung).

"Bagi menetapkan gaji minimum RM2,700, kita perlu melihat kepada sistem ekonomi negara iaitu 97 peratus usahawan terdiri daripada PKS, yang mana sektor itu sangat signifikan

dengan mewujudkan peluang pekerjaan.

"Ia menunjukkan sejumlah 65 peratus pekerjaan dalam negara disumbangkan oleh PKS, yang setakat ini kira-kira 6.8 juta pekerjaan disumbangkan oleh sektor berkenaan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran penjenamaan baharu MBSB Bank, di Kuala Lumpur, semalam.

Laporan BNM minggu lalu mendapati, gaji yang dianggarkan mencukupi bagi seorang dewasa bujang untuk tinggal di Kuala Lumpur adalah RM2,700, manakala pasangan tanpa anak (RM4,500) dan pasangan dengan dua anak adalah RM6,500.

PKS berdepan masalah

Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim, dipetik sebagai berkata, anggaran gaji kehidupan wajar di Kuala Lumpur itu adalah berdasarkan andaian tertentu dan aras harga pada 2016.

Johari berkata, PKS mungkin berdepan masalah jika mereka ditekan untuk menaikkan aras gaji seperti yang dicadangkan secara mendadak.

"Jadi apa yang perlu kita lakukan ialah menaikannya secara berperingkat-peringkat selari dengan pertumbuhan ekonomi.

"Sekarang ini, nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita sebanyak RM1.3 trilion dan dalam tempoh lima hingga tujuh tahun akan datang, kita akan meneruskan pertumbuhan dan syarikat akan bersedia (pada masa itu) menghadapinya sekali gus kita mampu mempertingkatkan gaji rakyat.

"Kita tidak boleh sewenang-wenangnya naikan gaji kerana perlu memikirkan keupayaan PKS. Bimbang PKS tidak boleh terima dan akan memberhentikan perniagaan atau tutup kedai sehingga menyebabkan kehilangan pekerjaan," katanya.

